



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 5 FEBRUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	MAQIS RAMPAS 21 TAN KUBIS BERNILAI RM21,000, LOKAL, HM -24 GAGAL SELUDUP 21 TAN KOBIS, NEGERI JOHOR/KEDAH, SH -27 MAQIS RAMPAS BUNGA MELUR TANPA PERMIT, NEGARA, KOSMO -14	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4.	DUA TAN NANAS UNTUK FRONTLINERS, NEGERI TERENGGANU/JOHOR, SH -29	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
5. 6. 7.	MANGSA MONOPOLI BENIH PADI?, DALAM NEGERI, UM -10 PUSAT DIMINTA SEGERA TANGANI ISU BEKALAN BENIH PADI, DALAM NEGERI, UM -10 TIADA UNDANG-UNDANG HALANG SAWAH DIKOMERSIAL, DALAM NEGERI, UM -10	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
8.	JHL KENAL PASTI PUNCA BABI HUTAN MATI, LOKAL, HM -26	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/2/2021	HARIAN METRO	LOKAL	24

Maqis rampas 21 tan kubis bernilai RM21,000

Alor Setar: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas lebih 21 tan kubis dianggarkan bernilai RM21,000 yang cuba diseludup ke negara ini dari negara jiran.

Rampasan dibuat jam 6.30 petang Selasa lalu hasil pemeriksaan ke atas sebuah lori di Kompleks Imigresen, Kastam Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam di sini.

Pengarah Maqis Kedah Lily Rosalind Paul berkata, pemeriksaan mendapati kubis yang cuba dibawa masuk berkenaan gagal mematuhi syarat import ditetapkan iaitu tidak mempunyai pengredan,

pembungkusan dan pelabelan seperti dinyatakan dalam sijil 3P.

“Kegagalan ” mengemukakan maklumat itu menjadi kesalahan mengikut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

“Jika sabit kesalahan, pengimport boleh didenda tidak melebihi RM100,000. atau dipenjarakan tidak melebihi enam tahun atau keduanya sekali,” katanya.

Katanya, Maqis sentiasa memantau dan memeriksa keluaran pertanian di setiap pintu masuk negara untuk produk yang diimport ke negara ini bebas ancaman perosak, penyakit serta bahan cemar.

Kubis
tiada pengredan,
pembungkusan dan
pelabelan seperti
dinyatakan di sijil 3P

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/2/2021	SINAR HARIAN	NEGERI JOHOR/KEDAH	27

Gagal seludup 21 tan kobis

BUKIT KAYU HITAM - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) berjaya menggagalkan cubaan membawa masuk kobis yang tidak sah ke negara ini di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) di sini pada Selasa.

Pengarah Maqis Kedah, Lily Rosalind Paul berkata, lori bernombor pendaftaran Thailand itu ditahan oleh pihaknya kira-kira jam 6.20 petang ketika melakukan pemeriksaan rutin di kompleks berkenaan.

Katanya, pemeriksaan lanjut yang dijalankan ke atas lori berkenaan berjaya menemui sebanyak 21,160 kilogram kobis yang dianggarkan bernilai RM21,160.

“Sayuran itu didapati tidak mematuhi syarat import seperti mana yang telah ditetapkan iaitu gagal mematuhi Perakuan Pengredan, Pembungkusan dan Perlabelan sebagaimana yang dinyatakan dalam sijil 3P.

“Kesemua barangan itu ditahan untuk tindakan selanjutnya,” katanya dalam satu kenyataan di sini pada Khamis.



Maqis merampas kobis yang cuba dibawa masuk di Kompleks ICQS, Bukit Kayu Hitam pada Selasa.

Maqis rampas bunga melur tanpa permit

ISKANDAR PUTERI – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor merampas 135 kilogram bunga melur bernilai RM324 yang cuba dibawa masuk tanpa permit import di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), Gelang Patah kelmarin.

Pengarah Maqis Johor, Nur Affah A. Rahman memberitahu, bunga melur yang dibungkus di dalam lapan buah kotak dipercayai berasal dari Indonesia dan cuba dibawa masuk ke negara ini melalui Singapura.

“Bunga melur itu ditemui di dalam sebuah van pada pukul 3 petang. Pemeriksaan mendapati ia tidak mempunyai permit import,” katanya dalam satu kenyataan.

Tambahnya, pemandu van terbabit yang berusia 28 tahun telah dilepaskan selepas keturangannya diambil.

Kes disiasat mengikut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 15(2) Akta yang sama.



SEBAHAGIAN bunga melur yang disorok di dalam kotak dirampas Maqis Johor di KSAB Gelang Patah kelmarin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/2/2021	SINAR HARIAN	NEGERI JOHOR/ TERENGGANU	29

Dua tan nanas untuk frontliners

LPNM sumbang buah itu kepada petugas di HEBHK

Oleh ZULHISHAM ISAHAQ

KLUANG

Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) menyampaikan sumbangan dua tan metrik buah nanas kepada petugas di Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom (HEBHK) di sini pada Khamis.

Penyampaian sumbangan disampaikan Pengerusi LPNM, Datuk Dr Sahrudin Jamal sebagai menghargai jasa dan pengorbanan barisan hadapan yang menjalankan tugas menghadapi pandemik Covid-19.

"Sumbangan ini bukan sahaja bagi menghargai jasa dan pengorbanan frontliners tetapi juga sebagai tanda ingatan LPNM kepada mereka.

"Diharap sumbangan



Dr Sahrudin (tengah) menyampaikan sumbangan nanas kepada petugas HEBHK, Kluang pada Khamis.

LPNM sedikit sebanyak dapat menyuntik semangat petugas barisan hadapan dalam melaksanakan tugas," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Sementara itu, bekas Menteri Besar Johor itu mengingatkan orang ramai menekankan soal penjagaan kebersihan dan kesihatan dalam kehidupan seharian pada setiap masa.

"Menjadi tanggungjawab saya untuk mengingatkan rakyat agar sentiasa

mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dan mengamalkan normal baharu. Ini penting bagi mengurangkan risiko jangkitan.

"Pakai pelitup muka dan sentiasa amalkan penjarakan fizikal. Selain itu, amalkan kebersihan sendiri dengan kerap mencuci tangan dan menggunakan hand sanitizer," katanya.

Latanya, majikan atau penyelia sektor dalam senarai perkhidmatan yang

dibenarkan beroperasi perlu sentiasa memastikan pekerja dan pelanggan tidak melanggar SOP.

"Kita semua seharusnya mempunyai kesedaran yang tinggi dan perlu lebih bertanggungjawab terhadap diri, keluarga dan masyarakat sekeliling. Ingatlah kita mempunyai tanggungjawab sosial dalam meminimalkan risiko sekali gus menghentikan penularan jangkitan Covid-19," katanya.

5/2/2021

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

10

Pesawah dakwa sukar dapat benih

Mangsa monopoli benih padi?

Oleh ISWAN SHAFIQ ISA

utusaneWS@mediamulla.com.my

KEPALA BATAS: Pengeluaran beras di negeri ini dikuatir terancam apabila pesawah sukar mendapat bekalan benih padi sah untuk memulakan kerja-kerja menanam padi yang didakwa akibat daripada monopoli pihak-pihak tertentu.

Apa yang membimbangkan, masalah itu dihadapi majoriti pesawah padi di daerah Seberang Perai Utara (SPU) di sini yang mana 60 peratus bekalan beras negeri ini ketika ini disumbangkan oleh pesawah dari daerah berkenaan.

Seorang pesawah dari Unit Padang Tembusu, Mohd. Yusri Mustafa, 42, berkata, isu kesukaran mendapatkan bekalan benih padi itu mula timbul susulan beberapa pendekatan baharu yang cuba diperkenalkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bermula tahun ini.

Antara yang menjadi pertikaian jelasnya, termasuk kuasa untuk mengedar serta menjual benih padi sah kepada pesawah yang didakwa dimonopoli oleh pertubuhan peladang kawasan (PPK) sahaja.

Mohd. Yusri yang juga Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Guar Kepah berkata, majoriti



MOHD YUSRI MUSTAFA (kiri) dan Lee Seng Wye menunjukkan surat akujanji yang perlu ditandatangani petani berkaitan pembekalan benih padi di Kepala Batas, Pulau Pinang, semalam. - UTUSAN/MOHAMMAD FIRDAUS AMRAN

pesawah juga tidak bersetuju dengan tindakan PPK mengeluharkan surat akujanji yang perlu ditandatangani mereka bagi mendapatkan benih padi.

Tambahnya, menerusi surat akujanji itu pesawah tidak diberikan pilihan untuk menentukan jenis benih padi yang diperlukan memandangkan tidak semua benih padi yang dibekalkan sesuai dengan keadaan semasa.

“Sebenarnya, kami sudah

biasa hidup susah tapi, apabila berlaku keadaan seperti ini, kaki dan tangan kami seolah-olah diikat dan mulut kami pula disumbat dengan sesuatu. Maka, kami tak boleh buat apa-apa lagi.

“Pendek kata, apa yang mereka buat ni macam bermaksud, kalau ‘hang mau, jalan, hang tak mau sudah’ (kalau nak, ambil dan tak mahu, terpulang). Tak bolehlah macam ini,” katanya kepada Utusan Malaysia di sini semalam.

Menurut Mohd. Yusri, isu itu telah diutarakan kepada Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi dan Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar serta Kesihatan negeri, Dr. Norlela Arifin serta Pengerusi Muahamin Ibrahim dalam satu pertemuan khas bersama wakil pesawah baru-baru ini.

Bagaimanapun, ujarnya, tiada kata putus dicapai dalam pertemuan tersebut hingga me-

nyebabkan rata-rata pesawah bimbang untuk mengusahakan tanaman padi masing-masing terutama dalam keadaan negara sedang berdepan pandemik Covid-19.

Difahamkan, sesi pendaf-taran untuk pengambilan benih padi itu sepatutnya bermula Januari lalu, namun ditangguhkan ke bulan ini dan dijalankan secara berperingkat mengikut unit yang ditetapkan.

Dalam pada itu, seorang lagi pesawah, Lee Seng Wye, 64, turut menyifatkan peraturan baharu itu sebagai menyusahkan ramai pesawah terutama apabila membabitkan perjanjian ‘hitam-putih’ seperti surat atau borang akujanji.

Seng Wye yang berpengalaman menguruskan bendang selama 41 tahun berkata, apabila pengedaran serta penjualan benih padi dimonopoli PPK, perkara yang paling ‘ditakuti’ kebanyakan pesawah ialah dari segi kenaikan harga benih padi.

“Daripada maklumat yang kami dapat, harga benih padi yang dijual dari kilang kepada Nafas (Pertubuhan Peladang Kebangsaan) ialah RM28 (bagi setiap beg seberat 20 kilogram) dan PPK memperolehnya dengan harga RM31 sebelum menyalurkannya kepada kami pada ‘harga mati’ iaitu RM35,” katanya.

5/2/2021

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

10

Pusat diminta segera tangani isu bekalan benih padi

GEORGETOWN: Kerajaan Pusat khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Makanan perlu mengambil tindakan segera bagi menyelesaikan isu bekalan benih padi yang dihadapi petani di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian negeri, Dr. Norlela Ariffin berkata, perkara itu sekiranya dibiarkan berlarutan lebih lama boleh mengancam pengeluaran padi negara dan menjejaskan bekalan makanan.

Menurutnya, beliau melihat masalah yang dihadapi dalam isu bekalan benih padi itu berpunca daripada sistem monopoli yang menyusahkan dan tidak memberi kelebihan kepada pesawah padi.

Ujar beliau, kerajaan tidak seharusnya melantik Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) sebagai pemborong tunggal bagi program Insentif Benih Padi Sah (IBPS) sebaliknya membenarkan lebih banyak pihak mengedarkan bekalan tersebut.

"Apatah lagi pesawah juga sudah menyatakan mereka tidak kisah sekiranya harga benih padi yang dijual pihak lain selain NAFAS itu lebih tinggi sedikit.

"Apa yang penting ialah mereka tidak menghadapi masalah mendapatkan benih padi itu pada bila-bila masa ketika diperlukan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Menurut Norlela, isu bekalan benih padi itu berkait rapat den-

gan faktor kesesuaian seperti bekalan air dan cuaca bagi pesawah memulakan kerja di bidang masing-masing.

Acap kali, kata beliau, dalam keadaan air empangan dilepaskan ke relung sawah iaitu waktu sesuai untuk menabur benih padi, petani tidak dapat melakukannya kerana sukar mendapat bekalan di loji NAFAS kerana faktor seperti cuti hujung minggu dan cuti umum atau di luar waktu pejabat.

Jelasnya, beliau juga telah memanjangkan masalah pesawah itu kepada Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiangdee dan berharap tindakan susulan dan segera dapat diambil.

Tiada undang-undang halang sawah dikomersial

BAGAN SERAI: Tiada peruntukan undang-undang yang menghalang pemilik tanah sawah menukar tanah mereka untuk tujuan pembangunan lain seperti infrastruktur, komersial dan perumahan antara punca sawah padi semakin 'hilang'.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan dan Industri Makanan negeri, Razman Zakaria berkata, masalah tanah sawah semakin mengencil juga berlaku di negeri ini.

Menurutnya, namun tiada halangan untuk pemilik sawah menukar tanah mereka kepada pembangunan atau tanah lain.

"Mungkin setakat ini tidak ada undang-undang khusus terhadap pemilik tanah yang

mengubah pembangunan pertanian kepada kegunaan lain menyebabkan keluasan sawah berkurangan.

"Kadang kala pemilik tanah mengubah pembangunan tanah mereka kepada kawasan perumahan setelah mendapat tawaran yang lumayan.

"Namun di Perak perkara ini tidak serius dan masih terkawal," katanya kepada pemberita selepas meninjau projek pertanian secara hidroponik di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bagan Serai di sini semalam.

Menurut Razman, masalah itu berlaku kerana pesawah mengagap tanaman padi tidak memberikan pulangan seperti yang mereka harapkan.



PASUKAN JHL Sabah menjalankan siasatan ke atas bangkai babi yang ditemui.

JHL kenal pasti punca babi hutan mati

Kota Kinabalu: Sebanyak 34 ekor babi hutan ditemui mati di beberapa lokasi di Kinabatangan, Sugut dan Paitan dari 28 Januari hingga semalam.

Pengarah Jabatan Hidupan Liar (JHL) Sabah, Augustine Tuuga berkata, pihaknya menerima laporan secara berperingkat berkaitan kematian haiwan terbit.

Katanya, JHL Sabah dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar sudah melancarkan usaha bagi mengenal pasti punca kematian babi hutan berkenaan.

"Pihak JHL menerima laporan secara berperingkat di

mana sebanyak 29 ekor (babi hutan) ditemui di Kinabatangan dan lima lagi ditemui di Sugut dan Paitan.

"Secara keseluruhan jumlah babi hutan yang ditemui sebanyak 34 ekor," katanya ketika dihubungi, semalam. Augustine tidak menolak kemungkinan lebih banyak lagi akan ditemui dan pemantauan masih diteruskan jika ada kes kematian baharu.

"Dengan bantuan Jabatan Perkhidmatan Veterinar, kerajaan masih lagi dalam

proses menyasat untuk mengenal pasti punca kematian itu.

"Pemantauan masih dijalankan bagi melihat keadaan sekiranya terdapat kes kematian baharu," katanya.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan orang awam supaya tidak membeli daging buruan seperti babi hutan atau lidupan liar lain buat sementara waktu sehingga siasatan terhadap punca kematian babi hutan itu diketahui sepenuhnya.

"Dalam tempoh PKP (Pe-

rintah Kawalan Pergerakan) ini juga, pihak JHL tidak pernah mengeluarkan apa-apa lesen memburu.

"Kami juga menasihatkan orang ramai supaya tidak melakukan pemburuan ha-ram kerana ia bukan saja menyalahi undang-undang malah turut mengundang bahaya sekiranya mendapat jangkitan penyakit yang mungkin menyebabkan kematian babi hutan terbit," katanya.

Penemuan bangkai babi hutan itu turut tular di media sosial dengan pelbagai dakwaan oleh netizen ter- masuklah haiwan itu diracun.

Jumlah keseluruhan babi hutan yang ditemui sebanyak 34 ekor